

**D.R. 2/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024.

**Seksyen baharu 1A**

2. Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [*Akta 458*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 1 seksyen yang berikut:

**“Application**

**1A.** This Act shall apply to Peninsular Malaysia and the Federal Territory of Labuan.”.

**Pindaan seksyen 2****3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memasukkan selepas takrif “boundary mark” takrif yang berikut:

‘ “Director General of Survey and Mapping” means the officer performing the duties of the head of the Survey and Mapping Department Malaysia;

“Director of Survey and Mapping” means the officer performing the duties of the head of the Survey and Mapping Department Malaysia at a state;

“geomatics survey” means any survey undertaken for the purposes of production of or in connection with, maps, geomatics survey plans or information using survey-accurate techniques;

“geomatics survey plan” means a plan signed by a licensed land surveyor recording and depicting the work carried out by him on a geomatics survey, or a plan signed by an officer authorized by the Director General of Survey and Mapping to do so recording the work of a Government surveyor on a geomatics survey;’;

- (b) dengan memotong takrif “Director General of Survey”;

- (c) dengan menggantikan takrif “Government surveyor” dengan takrif yang berikut:

‘ “Government surveyor” means any public officer of Malaysia who is authorized by the Director General of Survey and Mapping to undertake any title survey or geomatics survey, and for the purposes of sections 8, 9 and 10 and paragraph 19(a), includes the Director General of Survey and Mapping;’;

- (d) dalam takrif “Minister”, dengan menggantikan perkataan “lands” dengan perkataan “survey and mapping”;

- (e) dalam takrif “reciprocating territory”, dengan memotong perkataan “within the Commonwealth”;
- (f) dalam takrif “Register”, dengan memasukkan selepas perkataan “kept” perkataan “and maintained”;
- (g) dalam takrif “survey plan”, dengan menggantikan perkataan “an officer authorized by the Director General of Survey to do so and recording the work of a Government Surveyor” dengan perkataan “the Director General of Survey and Mapping, the Director of Survey and Mapping or the Deputy Director of Survey and Mapping recording the work of a Government surveyor on a title survey”; dan
- (h) dalam takrif “title survey”—
  - (i) dengan menomborkan semula perenggan (a) sebagai perenggan (aa); dan
  - (ii) dengan memasukkan sebelum perenggan (aa) yang dinomborkan semula perenggan yang berikut:

“(a) the preparation of a pre-computation plan;”.

#### **Pindaan seksyen 4**

**4.** Seksyen 4 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) The Board shall consist of the following persons who are registered under section 9:

- (a) the Director General of Survey and Mapping;
- (b) the Deputy Director General of Survey and Mapping;
- (c) a Director of Survey and Mapping, appointed by the Minister; and
- (d) three licensed land surveyors who are resident and practising in the States of Peninsular Malaysia or the Federal Territory of Labuan, appointed by the Minister.”.

**Pindaan seksyen 5****5. Subseksyen 5(1) Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “Director General of Survey” dengan perkataan “Director General of Survey and Mapping”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Deputy Director General of Survey” dengan perkataan “Deputy Director General of Survey and Mapping”.

**Pindaan seksyen 9****6. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subperenggan (1)(b)(ii), dengan menggantikan perkataan “the Republic of Singapore” dengan perkataan “the Federal Territory of Labuan”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Any person who is registered under this section shall be entitled to use the abbreviation “LSr” before his name or in any way in association with his name.”.

**Pindaan seksyen 13****7. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas perkataan “title surveys” perkataan “and geomatics surveys”;
- (b) dalam subseksyen (2)—
  - (i) dengan menggantikan perkataan “Director General of Survey” dengan perkataan “Director General of Survey and Mapping”; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “title survey” perkataan “and geomatics survey”;

- (c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “title surveys” perkataan “and geomatics surveys”;
- (d) dalam subseksyen (4), dengan memasukkan selepas perkataan “title survey” perkataan “or geomatics survey”; dan
- (e) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) For the purpose of obtaining data for a title survey or geomatics survey, a licensed land surveyor may, at all reasonable times be permitted to inspect relevant maps, plans and records of the Survey and Mapping Department Malaysia and to make copies of such information therefrom as he may require without payment of search fees, but he shall not remove any such maps, plans and records from the custody of the Survey and Mapping Department Malaysia and he will be held pecuniarily liable for any damage which he may cause to them while they are under his control.”.

## **Pindaan seksyen 14**

### **8. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menomborkan semula seksyen sedia ada sebagai subseksyen (1);
- (b) dalam subseksyen (1) yang dinomborkan semula—
  - (i) dengan menggantikan perkataan “Government Survey Department” dengan perkataan “Survey and Mapping Department Malaysia”;
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “field books, calculation sheets and survey data with the Survey Department and all such documents shall” dengan perkataan “survey records and data with the Survey and Mapping Department Malaysia and such survey plan, survey records and data shall”; dan

- (iii) dengan menggantikan perkataan “the Director General of Survey or other officer appointed by him to approve the same on his behalf” dengan perkataan “the Director General of Survey and Mapping, the Director of Survey and Mapping or the Deputy Director of Survey and Mapping”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula subseksyen yang berikut:

“(2) On completion of a geomatics survey as may be specified by the Director General of Survey and Mapping, the geomatics survey plan of which is to be lodged with the Survey and Mapping Department Malaysia, the licensed land surveyor who signs the geomatics survey plan thereof shall deposit such plan together with the relevant survey records and data with the Survey and Mapping Department Malaysia and such geomatics survey plan, survey records and data shall become the property of the Government and shall be filed as permanent survey records.”.

### **Pindaan seksyen 15**

9. Seksyen 15 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “the Director General of Survey or other officer appointed by him to approve survey plans on his behalf” dengan perkataan “the Director General of Survey and Mapping, the Director of Survey and Mapping or the Deputy Director of Survey and Mapping”.

### **Pindaan seksyen 16**

10. Seksyen 16 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Director General of Survey” dengan perkataan “Director General of Survey and Mapping”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “title survey” perkataan “or geomatics survey”;

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “The Director General of Survey or other person authorized by him to approve survey plans” dengan perkataan “The Director General of Survey and Mapping or any Government surveyor so authorized by him”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “any error made by him” perkataan “on a title survey or geomatics survey”; dan
- (iii) dalam proviso—
  - (A) dengan memasukkan selepas perkataan “relevant survey plan” perkataan “or geomatics survey plan, as the case may be,”; dan
  - (B) dengan menggantikan perkataan “Survey Department” dengan perkataan “Survey and Mapping Department Malaysia”;

(c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “within the time specified” perkataan “in the notice referred to in subsection (2)”;
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “to correct such error” perkataan “to the title survey,”; dan
- (iii) dengan menggantikan perkataan “Director General of Survey” dengan perkataan “Director General of Survey and Mapping, the Director of Survey and Mapping or the Deputy Director of Survey and Mapping”;

(d) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “the Director General of Survey” dengan perkataan “the Director General of Survey and Mapping or any Government surveyor so authorized by him”; dan

- (e) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) In the event of such licensed land surveyor refusing or neglecting within the time specified in the notice referred to in subsection (2) to correct such error to the geomatics survey, the Director General of Survey and Mapping or any Government surveyor so authorized by him shall report the facts to the Board for disciplinary action.”

### **Pindaan seksyen 17**

#### **11. Seksyen 17 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan perkataan “the Board may—” dengan perkataan “the Board may impose any one or any combination of two or more of the following disciplinary punishments:”;
- (b) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “strike off” dengan perkataan “to strike off”;
- (c) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “suspend” dengan perkataan “to suspend”;
- (d) dalam perenggan (c)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “impose” dengan perkataan “to impose”; dan
  - (ii) dengan menggantikan perkataan “five hundred ringgit” dengan perkataan “one hundred thousand ringgit”; dan
- (e) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “reprimand” dengan perkataan “to reprimand”.



## **Penggantian seksyen 19**

**12.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 19 dengan seksyen yang berikut:

### **“Offences**

**19.** Any person who—

- (a) wilfully and falsely pretends, or takes or uses any name or title or abbreviation implying, that he is a licensed land surveyor or a Government surveyor;
- (b) not being a licensed land surveyor or a Government surveyor—
  - (i) undertakes any title survey or geomatics survey including professional consultancy work in connection with a title survey or geomatics survey; or
  - (ii) certifies to the accuracy of any title survey or geomatics survey or signs, certifies or initials any survey plan or geomatics survey plan;
- (c) not being a person acting under the immediate personal direction or supervision of a licensed land surveyor, carries out or undertakes to carry out any work in connection with any title survey or geomatics survey; or
- (d) uses any pre-computation plan, schedule of parcels, or any title survey or geomatics survey related documents, plans or drawings prepared or certified by a licensed land surveyor or a Government surveyor without the authorization of the licensed land surveyor or the Director General of Survey and Mapping, the Director of Survey and Mapping or the Deputy Director of Survey and Mapping, as the case may be,

commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding two hundred and fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.”.

**Seksyen baharu 19A**

**13.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 19 seksyen yang berikut:

**“Electronic submission of survey records and data and documents**

**19A.** (1) The Director General of Survey and Mapping may, subject to any conditions or specifications as he may determine, allow any survey records and data or any documents required to be submitted or furnished under this Act or regulations made under this Act to the Director General of Survey and Mapping to be submitted or furnished by an electronic medium or by way of an electronic transmission.

(2) The Board may, subject to any conditions or specifications as the Board may determine, allow any documents required to be submitted or furnished under this Act or regulations made under this Act to the Board to be submitted or furnished by an electronic medium or by way of an electronic transmission.

(3) The survey records and data and documents submitted or furnished by an electronic medium or by way of an electronic submission shall be deemed to have been submitted or furnished by a person to the Director General of Survey and Mapping or the Board, as the case may be, when the acknowledgment of receipt of such survey records and data or other documents are transmitted electronically by the Director General of Survey and Mapping or the Board to the person.”.

**Pindaan Jadual**

**14.** Jadual kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “survey and delineate the boundaries of any lands I may be instructed to survey” dengan perkataan “undertake any title survey or geomatics survey”.

## **Peruntukan peralihan**

**15.** (1) Pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, mana-mana orang selain juruukur tanah berlesen atau juruukur Kerajaan yang sedang menjalankan apa-apa ukur geomatik hendaklah, dalam masa enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini—

- (a) memohon kepada Lembaga supaya namanya dimasukkan dalam Daftar mengikut seksyen 9 Akta ibu; dan
- (b) memohon kepada Lembaga bagi suatu lesen untuk menjalankan amalan sebagai seorang juruukur tanah berlesen dikeluarkan kepadanya mengikut seksyen 10 Akta ibu.

(2) Sementara menunggu mana-mana permohonan yang disebut dalam subseksyen (1) ditentukan, pemohon boleh terus menjalankan ukur geomatiknya dan Lembaga boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang Lembaga fikirkan patut berhubung dengan penjalanan ukur geomatik itu.

(3) Jika mana-mana permohonan di bawah subseksyen (1) ditolak, pemohon hendaklah berhenti menjalankan ukur geomatik itu dari tarikh pemohon itu diberitahu mengenai penolakan itu dan Lembaga boleh memberikan apa-apa arahan kepada pemohon sebagaimana yang Lembaga fikirkan patut berhubung dengan pemberhentian ukur geomatik oleh pemohon.

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk meminda Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (“Akta 458”) terutamanya untuk mengemas kini dan menambah baik peruntukan Akta 458 dengan memasukkan peruntukan mengenai pemakaian Akta 458 bagi Wilayah Persekutuan Labuan, dengan menggantikan istilah “Ketua Pengarah Ukur”, “Timbalan Ketua Pengarah Ukur”, “Pengarah Ukur” dan “Jabatan Ukur Kerajaan” di mana-mana jua terdapat dengan istilah “Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan”, “Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan”, “Pengarah Ukur dan Pemetaan” dan “Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia” masing-masing, dengan memasukkan peruntukan yang berhubungan dengan ukur geomatik, dengan memasukkan kesalahan baharu di bawah Akta 458, dengan membenarkan pengemukaan secara elektronik rekod dan data ukur dan apa-apa dokumen lain di bawah Akta 458 dan dengan mengadakan peruntukan bagi perkara yang berbangkit atau bersampingan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 1A ke dalam Akta 458 untuk memperuntukkan secara nyata mengenai pemakaian Akta 458 bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Buat masa ini, Akta 458 terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan melalui pemerluasan Akta itu yang dibuat di bawah Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Juruukur Tanah Berlesen) 2009 [P.U. (A) 456/2009] yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010. Dengan kemasukan seksyen baharu 1A ke dalam Akta 458 dan pindaan lain yang dibuat kepada peruntukan Akta 458 untuk menunjukkan pemakaian Akta itu bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemerluasan dan Ubah Suaian Akta Juruukur Tanah Berlesen) 2009 ini akan dibatalkan.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 458 untuk memasukkan takrif baharu ke dalam Akta 458 dan untuk meminda takrif sedia ada yang digunakan dalam Akta 458.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 458 untuk menjelaskan bahawa semua anggota Lembaga Juruukur Tanah yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta 458 adalah merupakan orang yang berdaftar di bawah seksyen 9 Akta 458.
6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 458 dalam subperenggan (1)(b)(ii) berbangkit daripada kemasukan seksyen baharu 1A ke dalam Akta 458 di bawah *fasal 2* mengenai pemakaian Akta 458 bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Selain itu, *fasal* ini juga bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta 458 dengan memasukkan subseksyen baharu (3) untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang berdaftar di bawah seksyen ini berhak untuk menggunakan singkatan “LSr” sebelum namanya atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan namanya.
7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 458 sebahagian besarnya untuk memperuntukkan bagi kuasa seseorang juruukur tanah berlesen berkenaan dengan ukur geomatik.
8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 458 dalam subseksyen (1) untuk memperuntukkan bahawa kelulusan bagi pelan ukur yang disimpan dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia apabila ukur hakmilik selesai hendaklah diberikan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Pengarah Ukur dan Pemetaan atau Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan. Ini adalah selaras dengan peruntukan dalam Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Selain itu, *fasal* ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 14(2) ke dalam Akta 458 untuk memperkatakan penyimpanan pelan ukur geomatik dengan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia apabila ukur geomatik selesai.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 15 Akta 458 mengenai kelulusan ukur hakmilik untuk memperuntukkan bahawa tiada ukur hakmilik atau pelan ukur boleh diterima atau diguna pakai bagi maksud apa-apa undang-undang bertulis melainkan jika ia telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Pengarah Ukur dan Pemetaan atau Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 458 sebahagian besarnya untuk memperuntukkan mengenai pembedaan kesilapan yang dibuat oleh seseorang juruukur tanah berlesen ke atas ukur geomatik dan kesan keengganan atau kelalaian oleh juruukur tanah berlesen untuk membetulkan kesilapan terhadap ukur geomatik. Selain itu, pindaan juga dibuat kepada peruntukan sedia ada mengenai pembedaan kesilapan ke atas ukur hakmilik untuk memperuntukkan bahawa bukan sahaja Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan tetapi Pengarah Ukur dan Pemetaan dan Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan juga boleh melaksanakan pembedaan ukur hakmilik mengikut jabatan dalam keadaan apabila mana-mana juruukur tanah berlesen enggan atau lalai membetulkan kesilapan itu.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 458 untuk memperuntukkan bahawa Lembaga boleh mengenakan mana-mana satu atau gabungan dua atau lebih hukuman tatatertib sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen itu terhadap juruukur tanah berlesen jika juruukur tanah berlesen telah didapati bersalah atas salah laku profesional, atau telah disabitkan atas kesalahan jenayah, didapati oleh Lembaga tidak layak untuk menjalankan amalan sebagai juruukur tanah berlesen. *Fasal* ini juga bertujuan untuk meminda perenggan 17(c) Akta 458 untuk menaikkan denda yang boleh dikenakan ke atas juruukur tanah berlesen sebagai suatu hukuman tatatertib daripada amaun tidak melebihi lima ratus ringgit kepada amaun tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk menggantikan seksyen 19 Akta 458 untuk memasukkan kesalahan baharu di bawah Akta 458 sebagai tambahan kepada kesalahan sedia ada. *Fasal* ini juga bertujuan untuk menaikkan hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen ini.

13. *Fasal 13* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 19A ke dalam Akta 458 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan dan Lembaga Juruukur Tanah boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat atau spesifikasi sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan atau Lembaga Juruukur Tanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, membenarkan apa-apa rekod dan data ukur atau apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk dikemukakan atau diberikan di bawah Akta 458 atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 458 supaya dikemukakan atau diberikan melalui perantaraan elektronik atau secara penghantaran elektronik.

14. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda Jadual kepada Akta 458 mengenai bentuk dan cara perakuan oleh orang yang membuat permohonan untuk didaftarkan di bawah seksyen 9 Akta 458.

15. *Fasal 15* memperkatakan tentang peruntukan peralihan.
16. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3264]